



Ruj. Kami : KUDR/DIGI/A/12/24/0205 (18)
Tarikh : 3 Mac 2025

Digi Telecommunication Sdn Bhd

Lot 10, Jalan Delima 1/1,
Subang Hi-Tech Industrial Park,
40000 Shah Alam,
Selangor.
(u.p.: Encik Dactneswaran Kandasamy)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN PERMIT DAN IZIN LALU BAGI KERJA
PEMASANGAN INFRASTRUKTUR CELCOMDIGI BERHAD DI
JALAN PERUSAHAAN 1, PARIT BUNTAR-BAGAN SERAI**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Daerah Kerian dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak RM12,315.24 seperti yang dimuatnaik dalam sistem KUDRAT (Sebut Harga: QT-01-0205).
ii.	Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 2,000.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf atas nama Wang Deposit MDK.
iii.	Salinan permit korekan yang dikeluarkan hendaklah sentiasa berada di tapak pengorekan dan sebarang pertukaran jajaran hendaklah dimaklumkan pada pihak MDK.
iv.	Semua kerja-kerja permotongan jalan hendaklah menggunakan <i>diamond cutter</i> sebelum mengorek jalan.
v.	Kerosakan yang berlaku akibat dari kerja-kerja korekan yang berkaitan seperti bebendul, longkang, <i>scupper drains</i> , bahu jalan dan lain-lain perlu dibaiki atau diganti semula.
vi.	Tiada longgokan bahan binaan (cth: pasir, crusher run) di atas jalan yang berturap.
vii.	Turapan semula permukaan jalan yang dikorek dalam tempoh 24 jam, sisa korekan perlu dibuang dari kawasan korekan dan diganti dengan yang baru (pasir, crusher run tebal 300mm).
viii.	Bahan-bahan binaan yang diletakkan di atas bahu jalan hendaklah dikepong dengan papan tanda keselamatan yang mencukupi dan lebihannya dikeluarkan dari bahu jalan setelah siap kerja.
ix.	Korekan bahu jalan hendaklah diaraskan sama dengan aras jalan dan ditanam semula rumput rapat-rapat (<i>closed turfing</i>)
x.	Tidak dibenarkan menebang atau merosakkan akar pokok-pokok tanaman pada bahu jalan.



Ruj. Kami : KUDR/DIGI/A/12/24/0205 (18)
Tarikh : 3 Mac 2025

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN PERMIT DAN IZIN LALU BAGI KERJA
PEMASANGAN INFRASTRUKTUR CELCOMDIGI BERHAD DI
JALAN PERUSAHAAN 1, PARIT BUNTAR-BAGAN SERAI**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

3. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (indemnity) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (insured), Yang DiPertua Majlis Daerah Kerian serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

4. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Daerah Kerian seperti di lampiran.

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Nurhanies Sofea binti Mohamad Azuan** di talian **018-5749099** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)
Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OSA/03032025/Wan/Sofea





Ruj. Kami : KUDR/DIGI/A/12/24/0205 (18)
Tarikh : 3 Mac 2025

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN PERMIT DAN IZIN LALU BAGI KERJA
PEMASANGAN INFRASTRUKTUR CELCOMDIGI BERHAD DI
JALAN PERUSAHAAN 1, PARIT BUNTAR-BAGAN SERAI**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

salinan kepada:

- 1. Yang Dipertua,**
Majlis Daerah Kerian,
No. 1 Wisma MDK,
Jalan Padang,
34200 Parit Buntar,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p.: Jabatan Kejuruteraan)
- 2. Mutanic Technology Sdn Bhd**
23F,
Jalan Mutiara Subang 1,
Taman Mutiara Subang,
47500 Petaling Jaya,
Selangor.

